



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 31 DISEMBER 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	MAQIS SITA PRODUK BERASAS HAIWAN, LOKAL, HM -24 TAK PATUH SYARAT IMPORT, LOKAL, HM -24 MAQIS RAMPAS PRODUK PERUBATAN CHINA, SELANGOR/KL/PAHANG, SH -37	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
4. 5.	RUGI PADI TAK MENJADI, LOKAL, HM -10 PADI TEREJAS LEWAT LEPAS AIR, LOKAL, HM -10	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
6.	BALU WIRA OPS DAULAT TERIMA SUMBANGAN FAMA, SENTRAL, BH -41	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
7. 8. 9. 10. 11. 12.	RUGI 800 POKOK CILI MUSNAH, LOKAL, HM -11 TANGKAPAN KETAM MAKIN KURANG, LOKAL, HM -11 NELAYAN DAKWA KETAM KIAN BERKURANGAN, SENTRAL, BH -42 KLANG CATTLE FARMERS WANT TH EISSUE RESOLVED OVER BAN ON LIVESTOCK, NEWS, MAKKAL OSAI -1,13 FARMING LAND ISSUE IN MALAYSIA, NATION, CHINA PRESS -A23 MASSIVE DISRUPTION EXPECTED FOR FISHING SECTOR, CENTRAL, CHINA PRESS -C1	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/12/2019	HARIAN METRO	LOKAL	24

Maqis sita produk berasaskan haiwan

Bayan Lepas: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas produk berasaskan haiwan sempena perayaan Hari Natal di laluan penumpang Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas, Pulau Pinang (LTABPP).

Pemeriksaan dilakukan dalam tempoh seminggu itu merampas produk berasaskan haiwan seperti kambing, ayam, itik dan babi seberat 150 kilogram dianggarkan bernilai RM1,500 yang dibawa masuk penumpang dari Indonesia, Australia, China dan Thailand.

Tak patuh syarat import

Pelabuhan Klang: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas 6,887 kilogram produk pertanian perubatan Cina yang dianggarkan bernilai RM213,145 selepas dagangan itu gagal mematuhi syarat import yang ditetapkan, 24 Disember lalu.

Pengarah Maqis Selangor, Dr Tarmisal Alimin berkata, barang dagangan itu ditahan di pintu masuk Pelabuhan Klang Utara ketika operasi.

Maqis rampas produk perubatan dari China

KLANG - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas produk perubatan dari China kerana tidak mematuhi syarat import yang telah ditetapkan.

Maqis dalam satu kenyataan berkata, produk itu dirampas di Pintu Masuk Pelabuhan Klang Utara ketika operasi dijalankan oleh pegawai penguat kuasa Maqis.

Katanya, hasil daripada pemeriksaan yang dijalankan mendapati pengimport telah mengimport produk perubatan dari China yang

tidak mematuhi syarat import iaitu nombor import permit tidak dinyatakan di dalam sijil fitosanitasi.

"Produk tersebut diimport menggunakan kapal dagangan dari China dan jumlah rampasan adalah sebanyak 6,887 kilogram yang dianggarkan bernilai RM213,145," kata kenyataan itu di sini semalam.

Menurutnya, kegagalan pihak pengimport dalam mematuhi syarat yang dinyatakan di dalam permit import adalah menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 15(1) Akta 728.




Produk perubatan dari China yang dirampas Maqis di Pelabuhan Klang Utara kelmarin.



KEADAAAN sawah padi hampa atau tidak berisi.

SAWAH padi di Parit Haji Yusof, Parit Buntar.



Padi terjejas lewat lepas air

Kangar: Seramai 337 pesawah di Jeju Dalam di sini, runding apabila 496 hektar tanaman padi diusahakan mereka terjejas akibat kurang bekalan air.

Masalah itu didakwa disebabkan kelewatan pihak berkaitan melepaskan air mengikut jadual menyebabkan sawah kering, sekali gus menyebabkan padi mati.

Pesawah, Othman Dat. 60 berkata, dia kerugian hampir RM20,000 apabila lebih 10 hektar tanaman padinya musnah.

"Sistem pengaliran yang tidak sempurna mengeruhkan lagi keadaan dengan parit tersumbat dan tidak diselenggara

dengan baik.

"Apabila air dilepaskan pada waktu tertentu, tidak semua sawah menerima bekalan air mencukupi menyebabkan ada pesawah menanggung kerugian apabila tanaman padi mereka rosak," katanya.

Ahmad Nasaruddin Yob, 53, berkata, dia ada mengambil inisiatif menggunakan mesin pengepam air bagi menyalurkan air dari sungai berhampiran ke sawah miliknya.

"Namun, tidak semua mampu memiliki mesin berkenaan selain bakal meningkatkan kos kerana perlu membeli petrol.

"Malah, ada pemilik yang

tidak dapat menggunakan mesin itu kerana sawah mereka terlalu jauh dari sungai dan hanya berharap kepada bekalan air dari sistem perparitan yang tidak sistematik," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Perlis, Ir Asnol Adzhan Abd Manap ketika dihubungi memaklumkan pihaknya akan mengadakan lawatan ke kawasan yang terjejas dalam masa terdekat.

Katanya, pihaknya mendapati masalah pengaliran berlaku di hulu dan hilir kawasan pertanian itu dan proses pengumpulan maklumat sedang dijalankan.



PESAWAH di Jeju Dalam menunjukkan tanaman padi yang musnah akibat tidak menerima bekalan air yang mencukupi.

Rugi padi tak menjadi

35 pesawah putih mata tanaman diserang penyakit Hawar Bulir Bakteria

Oleh Shaiful Shahrin
Ahmad Pauzi
am@hmetro.com.my

Parit Buntar

Seramai 35 pesawah di sekitar Kuala Kurau di sini, mendakwa kerugian kira-kira RM400,000 selepas 24 hektar sawah padi diusahakan

mereka hanya mengeluarkan padi hampa atau tidak berisi akibat serangan penyakit Hawar Bulir Bakteria (BBB).


Difahamkan, masalah itu menyebabkan padi yang sudah masak tidak dapat dituai manakala padi sudah dituai tidak diterima pengilang menyebabkan pesawah terpaksa

menjadikannya sekam untuk tanaman sayuran.

Keadaan itu menyebabkan pesawah kehilangan sumber pendapatan dan lebih memeritkan apabila ia berlaku ketika masing-masing memerlukan wang untuk perbelanjaan persekolahan anak-anak.

Ketua Unit Peladang Parit Haji Samsuri dan Parit Haji Yusof, Md Hambali Md Arshad berkata, sebahagian daripada tiga hektar sawah padi diusahakannya dijangkiti penyakit BBB, sekali gus menjejaskan pendapatannya.

"Kebiasaannya saya mampu memperoleh antara lapan hingga 10 tan hasil padi, namun untuk musim ini terjejas teruk akibat penyakit ini, pengilang



PADI hampa yang dijangkiti penyakit Hawar Bulir Bakteria.



ABDUL YUNUS (kanan) meminjau salah satu lor sawah padi hampa di Parit Haji Yusof, Parit Buntar.

menolak padi dituai dengan alasan berpenyakit.

"Namun, kami bernasib baik kerana Pertubuhan Peladang Kawasan (PKK) Kuala Kurau sanggup membeli, lepas juga beban hutang kami," katanya.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Awam, Infrastruktur, Pertanian dan Perladangan Perak, Datuk Abdul Yunus Jamhari, Pegawai Pertanian Daerah Kerian, Ridhuan Osman dan Pegawai Daerah Kerian, Mohd Sabli Bakri.

Md Hambali berkata, dia dan serua pesawah amat mengharapkan bantuan daripada Kerajaan Persekutuan dan negeri susulan masalah serangan

BPB yang menjejaskan pendapatan mereka. Sementara itu, Abdul Yunus berkata, lapan kampung mengusahakan sawah padi di daerah ini dikenal pasti mengalami masalah sama dan BPB adalah serangan bakteria pada peringkat awal tuai. "Lokasi dikenal pasti di Parit Gumpung, Parit Tanjung Piandang, Parit Haji

Manan, Parit Mad Ali, Parit Sungai Baru, Parit Haji Samsuri dan Parit Haji Yusof serta beberapa lagi kampung yang turut dikatakan mula diserang penyakit ini. "Sebanyak sembilan sampel sudah dihantar ke makmal Jabatan Pertanian Kuala Lumpur untuk pengesanan penyakit, sekali gus mengetahui punca sebenar," katanya.



MAT TEH (depan) melihat pokok cili yang musnah akibat dua gelombang banjir.

Rugi 800 pokok cili musnah

Rantau Panjang: Seorang pekebun kerugian ribuan ringgit selepas 800 pokok cili yang ditanam secara fertigasi musnah ditenggelami banjir di Kampung Kubang Rambutan di sini, baru-baru ini.

Mat Yeh Yusuf, 56, berkata, tanamannya yang pertama kali diusahakan musnah akibat dua gelombang banjir yang berlaku di negeri ini bermula 1 Disember lalu.

"Dalam banjir itu air naik separas dua meter di kebun saya manakala di rumah separas tiga meter kerana penempatan kami yang rendah.

"Saya sudah pastikan tanaman berada dalam kedudukan tinggi namun ia masih tidak dapat diselamatkan kerana paras air yang tinggi," katanya.

Menurutnya, sehingga hari ini dia masih belum menanam semula kerana khuatir berlaku banjir

gelombang ketiga.

"Biasanya banjir akan berlaku sebanyak tiga kali. Jadi saya mengambil keputusan untuk rehat sebentar.

"Selepas ini saya akan mengambil langkah selamat dengan memastikan hasil cili diperolehi sebelum musim tengkujuh selain membina tiang besi untuk menggantung tanaman berbanding kayu sebelum ini," katanya.

Tangkapan ketam makin kurang

Alor Gajah: Golongan nelayan yang bergantung rezeki pada tangkapan ketam di perairan Kuala Sungai Baru, Masjid Tanah, di sini, mendakwa pendapatan mereka terjejas sejak empat tahun lalu berikutan habitat itu kian terancam.

Jika sebelum ini mereka mampu memperoleh antara lima hingga 10 kilogram ketam tencong dan ketam bunga, tetapi kini terpaksa berpuas hati dengan hasil tangkapan antara dua hingga tiga kilogram sahaja.

Nelayan, Syafiq Latif, 28, berkata, kebanyakan nelayan pinggir pantai yang menangkap ketam tidak mampu memperoleh hasil tangkapan melebihi lima kilogram sejak empat tahun lalu.

Menurutnya, kesukaran mendapatkan tangkapan ketam didakwa berlaku akibat aktiviti mengorek pasir laut untuk projek pembangunan.

"Kami terpaksa berpuas hati dengan tangkapan tidak sampai tiga kilogram berbanding hasil tangkapan memuaskan sebelum ini.

"Walaupun hasil tangkapan semakin berkurangan, nelayan tidak



SYAFIQ menunjukkan hasil tangkapan ketam yang semakin berkurangan di perairan Kampung Tanjung Dahan, Alor Gajah.

pernah menaikkan harga ketam melebihi RM15 satu kilogram kerana ia membebaskan pengguna.

"Saya kini terpaksa

mempelbagalkan kaedah mencari rezeki di laut dengan memasang bubu perangkap ikan antara dua hingga tiga minggu dalam laut," katanya.

Balu wira Ops Daulat terima sumbangan FAMA



Che Zakaria (dua dari kiri) menyerahkan sumbangan daripada FAMA Sabah kepada Nurunnisa di Senawang Perdana, semalam. (Foto Hasriyasyah Sabudin/BH)

Seremban: "Sebenarnya saya terkejut apabila mendapat maklumat daripada Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Sabah mengenai sumbangan ini kerana seperti sudah senyap sikat," kata Nurunnisa Abu Bakar, 48, balu kepada Sarjan Mejar Sabaruddin Daud yang terkorban ketika Ops Daulat di Sabah, pada 2013.

Nurunnisa menerima sumbangan daripada Lembaga Pemaseharian Pertanian Persekutuan (FAMA) Sabah, hasil kutipan derma daripada orang awam yang disampaikan Timbalan Ketua Polis Negeri Sembilan, Senior Asisten Komisioner Che Zakaria Othman, semalam.

Wanita itu berkata, walaupun sudah lebih enam tahun berlalu, rakyat Malaysia khususnya Polis Diraja Malaysia (PDRM) tidak pernah melupakan waris kepada pegawai dan anggota yang terkorban dalam pertempuran untuk mempertahankan kedaulatan negara itu.

"Saya terkejut apabila mendapat maklumat daripada IPK Sabah, FAMA mahu memberikan sumbangan. Saya fikir apabila sudah lama berlalu, orang ramai sudah mula melupakan kejadian itu dan pejuang yang terkorban.

"Terharu juga kerana kutipan itu daripada pasar tani. Rasa ma-

cam penduduk Sabah mengghargai perjuangan arwah dan saya turut mengucapkan terima kasih kepada PDRM serta FAMA kerana walaupun sudah berpindah, mereka tetap mencari saya di Seremban," katanya.

Nurunnisa ditemui di rumahnya di Senawang, di sini, sejourus majlis penyempurnaan sumbangan yang disempurnakan Che Zakaria serta turut dihadiri Pegawai Ethwal Ekonomi FAMA Kuala Pilah yang mewakili FAMA.

Sementara itu, Che Zakaria berkata, sumbangan hasil kutipan derma di lebih 500 pasar tani di seluruh Sabah sejak 2013 dan di salurkan kepada lapang keluarga pegawai dan anggota yang terkorban dalam Ops Daulat pada Mac 2013 di Sabah.

"PDRM memang tidak pernah melupakan keluarga atau waris kepada pegawai dan anggota kami yang terkorban. Unit khas 69 Komando (VAT 69) juga sering menghubungi keluarga Nurunnisa memandangkan arwah anggota dari unit berkenaan.

"Sabaruddin seorang yang terkorban pada hari pertama di dalam satu pertempuran yang saya anggap paling berani kerana mereka bertempur dengan penganas Sulu dalam jarak tiga pokok batang kelapa sawit sabaja," katanya.

Nelayan dakwa ketam kian berkurangan

Alor Gajah: Nelayan yang selama ini bergantung rezeki pada hasil tangkapan ketam, mengakui pendapatan mereka terjejas sejak empat tahun lalu berikutan habitat itu kian terancam dan berdepan kepupusan.

Jika sebelum ini mereka mampu memperoleh antara lima hingga 10 kilogram ketam rencong dan ketam bunga setiap kali turun ke laut, sekarang mereka terpaksa berpuas hati dengan hasil tangkapan antara dua hingga tiga kilogram sahaja.

Syafiq Latif, 28, berkata kebanyakannya nelayan pinggir pantai yang mencari sesuap nasi dengan menangkap ketam, tidak mampu memperoleh hasil tangkapan melebihi lima kilogram sejak empat tahun lalu, berikutan pelbagai ancaman yang dipercayai menyebabkan kepupusan hidupan laut itu.

Katanya, antara faktor kepupusan ketam ialah aktiviti mengorek pasir laut untuk memajukan be-

berapa projek pembangunan seperti menambak laut dan memasang paip di dasar laut di perairan Melaka barat.

"Kami terpaksa berpuas hati dengan hasil tangkapan tidak sampai tiga kilogram untuk setiap jaring yang ditarik selepas dibarkan bertaban dalam laut kira-kira 24 jam, berbanding hasil tangkapan yang memuaskan sebelum ini," katanya ketika ditemui menarik jaring ketam di perairan kira-kira satu batu nautika dari pantai Kampung Tanjung Dahan, Kuala Linggi, dekat sini, semalam.

Dia berkata, walaupun kegiatan seumpama itu tidak benar-benar berlaku di perairan Kampung Tanjung Dahan, pembangunan di beberapa tempat lain di sekitar perairan Kuala Sungai Baru yang berhampiran dengan kampung berkenaan turut memberi kesan terhadap hidupan laut di kawasan lima batu nautika di perairan Melaka barat dari Tanjung Bidara

hingga Kuala Linggi.

Syafiq yang menyara isteri dan dua anak berusia tiga dan enam tahun berkata, walaupun hasil tangkapan semakin berkurangan, nelayan tidak pernah menaikkan harga ketam melebihi RM15 satu kilogram kerana itu membebankan pengguna.

"Oleh sebab ketam semakin berkurangan, saya terpaksa mempelbagai kaedah mencari rezeki di laut dengan memasang bubu perangkap ikan antara dua hingga tiga minggu dalam laut," katanya.

Sebelum ini Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Melaka Barat, Mazelan Bakar, dilaporkan berkata, nelayan bimbang cadangan projek Pelabuhan Antarabangsa Kuala Linggi (KLIP) akan menambah kesukaran nelayan mencari rezeki, berikutan projek berkenaan dikatakan membabitkan penambakan laut di perairan kira-kira lima batu nautika dari Kuala Linggi.



Syafiq menunjukkan hasil tangkapan ketam yang semakin berkurangan di Kuala Linggi. (Foto Hassan Omar/BH)

Headline	Klang cattle farmers want the issue resolved over ban on livestock		
MediaTitle	Makkal Osai		
Date	31 Dec 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	28,000
Page No	1,13	Readership	180,000
Language	Tamil	ArticleSize	663 cm ²
Journalist	NULL	AdValue	RM 4,340
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,019



புத்தாண்டில் விடிவு பிறக்குமா?
மாட்டுப் பண்ணையாளர்கள் எதிர்பார்ப்பு

• பி.ஆர்.செய்சீலன்

சீனாள். 19.11-
தோட்டப்புறங்களில் மாடுகளை வளர்க்கக்கூடாது என்ற பிரச்சினைக்கு 2020 ஆம் ஆண்டிலாவது நல்ல தீர்வு பிறக்குமா என்ற எதிர்பார்ப்பில் காத்தாக வகாள்முருகிசீற்றனர் மாட்டுப் பண்ணையாளர்கள்.

தீவலண்டேட்டு தோட்டப்புறங்களில் மாடுகள் உட்பட அனைத்து காலநடை வளர்ப்புக்கும் தோட்ட நிழலாதிதிரகுச் சொந்தமான தோட்டங்களிலும் தடை விதித்துள்ளது. அத்தகைய பேக்லாந்தைகள் சம்பந்தப்பட்ட தோட்ட நிழலாதிதிரகு தடை பெற்றுக் கொண்டுபுதல் உறுப்பினர்களுக்கு அது விழுந்தி விவகரிக்கப்படுகிறது

13

Headline	Klang cattle farmers want the issue resolved over ban on livestock		
MediaTitle	Makkal Osai		
Date	31 Dec 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	28,000
Page No	1,13	Readership	180,000
Language	Tamil	ArticleSize	663 cm ²
Journalist	NULL	AdValue	RM 4,340
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,019

முதல் பக்கத் தொடர்ச்சி... புத்தாண்டில் விழவு பிறக்குமா?...

தோட்டப்புறப் பண்ணையாளர் சங்க ஒருங்கிணைப்பாளர் விஜயகாந்தி ராமசாமி கூறினார். சிலாங்கூர், நெகிரி செம்பிலான், ஜோகூர், மலாக்கா ஆகிய மாநிலங்களில் உள்ள தோட்டங்களில் இத்தகைய நடவடிக்கைகள் கடுமையாக மேற்கொள்ளப்பட்டு வருவதாகக் குறிப்பிட்ட அவர், செம்பனைத் தோட்டங்களில் மாடுகளை வளர்க்கக்கூடாது என்ற சுற்றறிக்கையை சைம் டார்பி நிறுவனத்திற்குச் சொந்தமான தோட்டங்களில் வழங்கியுள்ளது. காப்பார், ஜெராம், கோலசிலாங்கூர் போன்ற இடங்களில் நவம்பர் 15 ஆம் தேதிக்கு மேல் மாடுகள் தோட்டங்களில் இருக்கக்கூடாது என்ற கடிதங்களும் வழங்கப்பட்டுவிட்ட நிலையில் நகராண்மைக் கழகங்கள், மாநில கால்நடை வளர்ப்பு இலாகாவைச் சேர்ந்தவர்களும் சில இடையூறுகளை வழங்கி வரும் நிலையில் பி.எஸ்.எம். கட்சியின் ஆலோசனையின் பேரில் சுங்கை காப்பார் இண்டா காவல் நிலையத்தில் பி.எஸ்.எம். கட்சியின் மத்தியசெயல்வை உறுப்பினர் சிவரஞ்சனி மாணிக்கம் தலைமையில் புகார் செய்யப்பட்டதாகக் குறிப்பிட்ட விஜயகாந்தி, தனியார் நிறுவனத்திற்கு அரசாங்க இலாகாக்கள் துணைபோகக்கூடாது. அவர்கள் பண்ணையாளர்களுக்கு அச்சுறுத்தல் வழங்குவது சட்டப்படி குற்றம் என அவர் விவரித்தார். மாட்டுப் பண்ணையாளர்கள் எதிர்நோக்கும் இடையூறுகள் குறித்து விவசாய அமைச்சுக்கும் ஒரு குழுவாகச் சென்று மனு கொடுத்துள்ளோம். சைம் டார்பி நிறுவனம் அமைச்சரவையுடன் பேச்சு வார்த்தை நடத்திய பின்னர் தங்களைச் சந்திப்பதாகக்

கூறியிருந்தனர். இதுவரையில் எந்தவொரு பேச்சுவார்த்தைக்கும் அவர்கள் அழைக்க வில்லை எனக் குறிப்பிட்ட விஜயகாந்தி, நாங்களும் நல்ல பதில் கிடைக்கும் என்ற எண்ணத்தில் காத்திருக்கிறோம் என மக்கள் ஓசையிடம் தெரிவித்தார்.

அரை நூற்றாண்டுக்கு மேல் தோட்டத்தில் வாழ்ந்த இந்தியர்களில் பெரும்பாலோர் மாடு, ஆடு, கோழி போன்ற கால்நடைகளை வளர்ப்பதற்கு தோட்ட நிர்வாகம் அனுமதி வழங்கியது. 1996ஆம் ஆண்டு நிகழ்ந்த பொருளாதார மந்தநிலையைத் தொடர்ந்து சில தோட்டங்களைத் தவிர்த்து பல செம்பனைத் தோட்டங்களை நிர்வகிக்கும் பொறுப்பு சைம் டார்பி நிறுவனத்திற்கு வழங்கப்பட்டது. அப்போது தோட்டங்களில் கால்நடைகளை வளர்க்க அனுமதி வழங்கிய தோட்ட நிர்வாகம் கொட்டகை இன்றி கால்நடைகளை வளர்க்க அனுமதி வழங்கிய நிலையில் மாடுகளை வளர்த்த தோட்டப் பாட்டாளிகள் செம்பனைத் தோட்டங்களில் திறந்த வெளியில் மாடுகளை வளர்த்து வந்தனர்.

இவ்வாண்டு மத்தியில் அதற்கும் வேட்டு வைக்கும் வகையில் தோட்டங்களில் மாடுகளை வளர்க்கவே கூடாது என்ற திட்டத்தைக் கொண்டு வந்து ஆயிரத்திற்கும் மேற்பட்ட பண்ணையாளர்களின் வயிற்றில் அடித்தது நிறுவனம். ஒவ்வொரு பண்ணையாளரும் தலா 50லிருந்து 150 வரையிலான மாடுகளை வளர்த்து வருகின்றனர். இந்தச் சூழ்நிலையில் என்ன செய்வார்கள். எங்கே நிலம் தேடிப் போவார்கள் என்ற கேள்வி வந்து முன்னே நின்றாலும் வெளியாகியே ஆக வேண்டும் என்ற விடாப்பிடியில் சைம் டார்பி நிறுவனம் இருந்து வருவதால் பல கோணங்களில் நல்ல பதில் கிடைக்குமா என்று முட்டி மோதிப் பார்க்கிறார்கள் பண்ணையாளர்கள்.

Headline	Farming land issue in Malaysia		
MediaTitle	China Press		
Date	31 Dec 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A23	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	278 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,484
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,451



農民有辛無地

根据农业部报告，大马每年生产近百万公吨蔬果，却有近60%农民在非法土地上耕种。

经过多年演变和不断推进，以农为本的州属十年如一日，大部分农民“耕者无其地”，对该领域新技术的投资或大规模种植存有被逼迁的隐忧，自然也无法配合国家拟定的系列粮食增产计划。

以彭亨州为例，把土地分发给菜农果农，规划粮食生产特区，同时把在非法地耕种的农民纳入为粮食生产特区的一分子，绝对可以促进州属经济的成长，朝向农粮自给自足的目标。

诚然，农民有“辛”无地，州或联邦政府都有责任，当权者理应慎重看待农民需要！

大马拥有大片适合发展粮食生产的农耕地，遗憾的是，农民无法轻易获得合法的耕地，甚至在投入运作后，被财团覬覦，并借助当权者之力“收割”农民心血。

老农民耕耘数十载，最后仅落得被逼迁的困境，这也是为何有人常说务农不出头；随著我国农民出现严重的老龄化现象，为了肯定农民的贡献及维护务农者的尊严，马来西亚维护与发展农业协会于2016年首次设立“大马冲农楷模奖”。

交由外勞代勞

该奖项的设立，志在扭转外界对农业存有的刻板印象，使全体农民的付出受到肯定，需要强调的是，许多年轻人不愿投身农业领域，因为他们认为有关领域是不高尚且辛苦的行业。

根据该会之前所做的调查显示，国内60岁以上的农民依然占据大多数，导致该行业面临青黄不接及后继无人的情况。

年轻人弃农，这也难免产生系列影响，如年老的农民别无他法，只能将这些工作交由外劳代劳，造成这行业对外劳的依赖，也间接使令吉大量外流。

综合上述困境，大马务农领域的三大挑战，可归类为“奖掖、耕地、人力”问题，最好的结果是，新生代愿意接手传承下来的务农事业，而政府逐步落实耕地“合法化”，并制度化拨出丰厚的生产奖掖，真能如此，大马种植领域何愁没有光明前景？

